



NOTIS MAKLUMAN

KRITERIA RASMI PEGUAM BERDAFTAR (CONVEYANCING) LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) mempelawa firma-firma guaman *conveyancing* yang berminat dan berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia serta memenuhi kriteria-kriteria kelayakan untuk berdaftar sebagai Peguam Berdaftar LPPSA.

Berikut merupakan kriteria-kriteria rasmi Peguam Berdaftar LPPSA bagi perkhidmatan *conveyancing*:-

NO.	KRITERIA
1.	Firma guaman hendaklah berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia (<i>Malaysian Bar Council</i>), <i>Advocates Association Of Sarawak</i> atau <i>Sabah Law Association</i> .
2.	Firma guaman hendaklah beroperasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan dari Majlis Peguam Malaysia (<i>Malaysian Bar Council</i>), <i>Advocates Association Of Sarawak</i> atau <i>Sabah Law Association</i> .
3.	Firma guaman hendaklah mempunyai seorang rakan kongsi yang berpengalaman dalam bidang transaksi jualbeli harta tanah (<i>conveyancing</i>) dan perbankan (<i>conventional</i> dan <i>islamik</i>) sekurang-kurangnya lima (5) tahun .
4.	<ul style="list-style-type: none">• Firma guaman hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) rakan kongsi peguam bertauliah.• Firma pemilikan tunggal tidak akan dipertimbangkan.
5.	Firma guaman hendaklah mempunyai Insuran Tanggung Rugi sekurang-kurangnya RM2 juta .

Firma guaman yang berminat boleh memohon melalui Portal e-Tiket di Laman Sesawang LPPSA atau melalui [pautan ini](#). Firma guaman dikehendaki menyatakan butiran maklumat seperti berikut:

1. Nama Firma Guaman;
2. No. Tel Firma Guaman;
3. Alamat emel Firma Guaman;
4. Nama Pegawai Bertanggungjawab (PIC) bagi pihak Firma Guaman; dan
5. No. Tel PIC.

Seterusnya, sekiranya firma guaman Tuan/Puan memenuhi kriteria di atas, segala kelulusan permohonan masih tertakluk kepada LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-8880 1600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my

13 Januari 2020